

***Tarikh Dibaca: 30 Disember 2016***

# **KHUTBAH JUMAAT**

***Tajuk:***

***“MEMBANTERAS GEJALA SOSIAL  
TANGGUNGJAWAB BERSAMA”***

***\*\*\****

***Terbitan:***

***Unit Khutbah***

***Bahagian Pengurusan Masjid***

***JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR***




## **SENARAI AHLI JAWATANKUASA KHUTBAH NEGERI SELANGOR 2016**

- 1. SS. Dato' Haji Haris Bin Kasim (Pengerusi)**  
**Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor**
- 2. Tuan Haji Ahmad Zaki Bin Arsad (Timbalan Pengerusi)**  
**Timbalan Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor**
- 3. SS. Dr. Haji Anhar Bin Haji Opir (Ahli)**  
**Timbalan Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor**
- 4. Tuan Haji Idris Bin Ramli (Setiausaha)**  
**Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pengurusan Masjid, JAIS**
- 5. Yg. Berbahagia Prof. Madya Dr. Osman Bin Sabran (Ahli)**
- 6. Tuan Haji Hamid Bin Md Isa (Ahli)**
- 7. Tuan Haji Md. Sahari Bin Abdullullah (Ahli)**
- 8. Tuan Haji Abdul Halem Hapiz Bin Salihin (Ahli)**
- 9. Ustaz Muhammad Farhan Bin Wijaya (Ahli)**  
**Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah**
- 10. Ustaz Indera Shahril Bin Mohd Shahid (Ahli)**  
**Majlis Agama Islam Selangor**
- 11. Ustaz Hairol Azmi Bin Khairudin (Urusetia)**  
**Penolong Pengarah Unit Khutbah, BPM, JAIS**



## “MEMBANTERAS GEJALA SOSIAL TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ  
تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ  
بِاللَّهِ <sup>1</sup> 

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ  
أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى  
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا  
بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ  
بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا  
الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ  
مُسْلِمُونَ.

<sup>1</sup> Ali-Imran : 110



## Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintahnya dan meninggalkan segala larangannya. Marilah kita memperbanyakkan zikir kepada Allah SWT dan memperbanyakkan selawat serta berusaha melaksanakan segala sunnah Rasulullah SAW. Mudah-mudahan ianya akan memberikan manfaat kepada kita di dunia dan di akhirat.

Marilah kita sama-sama menghayati khutbah pada hari ini yang bertajuk **"MEMBANTERAS GEJALA SOSIAL TANGGUNGJAWAB BERSAMA"**.

## Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah,

Sesungguhnya Al-Quran dan As-Sunnah telah memberikan panduan kepada umat manusia dalam semua aspek kehidupan samada yang berkaitan dengan akidah, ibadah, muamalah mahupun akhlak dan adab sesama manusia. Hanya dengan berpandukan Al-Quran dan As-Sunnah manusia akan selamat di dunia dan di akhirat.

Hadis yang diriwayatkan oleh Imam Malik daripada Anas bin Malik R.Anhu bahawa Nabi SAW bersabda;

تَرَكْتُ فِيكُمْ أَمْرَيْنِ لَنْ تَضِلُّوا أَبَدًا مَا تَمَسَّكْتُمْ  
بِهِمَا كِتَابَ اللَّهِ وَسُنَّتِي.

*"Aku tinggalkan kepada kamu semua dua perkara yang kamu tidak akan sesat selamanya iaitu kitab Allah dan sunnahku".*



Ini bererti bahawa segala kerosakan dan gejala sosial yang berlaku pada hari ini adalah kerana manusia meninggalkan panduan yang telah dibawa oleh Rasulullah SAW.

### **Muslimin yang dirahmati Allah SWT,**

Sebagai umat Islam, adalah menjadi kewajipan kepada kita semua untuk membanteras kemungkaran-kemungkaran yang berlaku di sekeliling kita.

Hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim daripada Abu Said Al-Khudri R.Anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud;

*"Sesiapa di kalangan kamu yang melihat kemungkaran maka hendaklah ia mengubahnya dengan tangannya, sekiranya ia tidak mampu maka hendaklah mengubah dengan lisannya, sekiranya tidak mampu maka hendaklah dengan hatinya, yang demikian itu adalah selemah-lemah iman".*

Berdasarkan hadis tersebut jelaslah bahawa tugas dan tanggungjawab mencegah kemungkaran bukan hanya terletak di bahu pemerintah atau penguatkuasa semata-mata, sebaliknya ia menjadi tanggungjawab bersama setiap umat Islam. Kita mesti memainkan peranan dengan sebaik-baiknya dalam usaha membanteras gejala sosial yang semakin bertambah parah di dalam masyarakat kita hari ini.

Perkara utama yang harus ditekankan dalam usaha membanteras gejala sosial adalah dengan memberikan teguran dan nasihat yang baik kepada mereka yang terlibat dengan perkara-perkara kemungkaran. Ini berdasarkan firman Allah SWT dalam surah Al-Nahl ayat 125;



صل

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ  
وَجَدِلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ  
ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ

*"Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalan-Nya dan Dialah juga yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk".*

Sememangnya memberi teguran dan nasihat kepada mereka yang terlibat dengan masalah sosial ini bukanlah suatu perkara yang mudah. Apatah lagi latar belakang mereka yang kebanyakannya tidak mendapat pendidikan agama secukupnya samada daripada ibubapa ataupun institusi-institusi pendidikan. Maka tidak hairanlah apabila kita dapati ada dikalangan kita hari ini tidak tahu membezakan antara perkara yang hak dan yang batil, makruf dan mungkar. Bagi mereka, apa yang diinginkan hanyalah untuk keseronokan hidup mereka sahaja.

Oleh kerana itu, kita sebagai umat yang mempunyai kesedaran agama ini tidak seharusnya membiarkan mereka terus hanyut dalam kesesatan. Mereka mesti ditegur, dinasihati dan dibimbing daripada terus melakukan kesalahan. Peranan ini perlu dilaksanakan oleh setiap umat Islam agar terlepas daripada laknat Allah SWT.



Firman Allah SWT dalam surah Al-Anfal ayat 25;

وَاتَّقُوا فِتْنَةً لَا تُصِيبَنَّ الَّذِينَ ظَلَمُوا مِنْكُمْ خَاصَّةً  
وَأَعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٢٥﴾

*"Dan jagalah diri kamu daripada (berlakunya) dosa (yang membawa bala bencana) yang bukan sahaja akan menimpa orang-orang yang zalim di antara kamu secara khusus (tetapi akan menimpa kamu secara umum). Dan ketahuilah bahawa Allah Maha Berat azab siksa-Nya".*

**Muslimin yang dirahmati Allah swt ,**

Sesungguhnya tugas dan tanggungjawab membanteras gejala sosial yang berlaku di sekeliling kita adalah merupakan suatu tuntutan agama. Ini berdasarkan firman Allah SWT dalam surah Ali Imran ayat 104;

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ  
بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ  
الْمُفْلِحُونَ ﴿١٠٤﴾

*"Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya".*



Kita bersyukur kerana di negeri ini telah ada pegawai-pegawai penguatkuasa agama yang bertugas membanteras maksiat dan masalah-masalah sosial yang berlaku.

Maka kita sebagai umat yang prihatin, seharusnya sama-sama memberikan maklumat dan bantuan sepenuhnya agar usaha membanteras gejala sosial di kalangan masyarakat dapat dijalankan dengan lebih berkesan. Ini kerana kita tidak boleh memandang dengan sebelah mata sahaja tentang masalah sosial yang berlaku ini. Malah kita juga tidak boleh hanya sekadar menunjukkan rasa simpati tanpa melakukan apa-apa tindakan yang sewajarnya.

Di persekitaran kita, masih ada ancaman-ancaman akidah seperti ajaran yang mengelirukan dan sesat. Terdapat juga sebahagian orang Islam yang tidak melaksanakan solat Jumaat dan memandang ringan kewajipan solat.

Sebagai sebuah masyarakat muslim, setiap individu berkewajipan mengambil tahu dan membuat aduan sekiranya terdapat perkara-perkara yang bertentangan dengan Islam kepada pihak berkuasa atau pegawai masjid untuk tindakan lanjut.

### **Muslimin yang dirahmati Allah SWT,**

Usaha membanteras gejala sosial tidak akan berakhir sekiranya tiada sebarang tindakan lanjutan dilakukan. Oleh itu, satu perkara yang amat penting juga untuk dilaksanakan adalah dengan memberikan pendedahan keagamaan yang secukupnya kepada mereka. Setiap individu dan organisasi di dalam masyarakat harus memainkan peranannya masing-masing. Namun ia mestilah dilaksanakan secara bersepadu, ikhlas dan bertanggungjawab.





Bagi setiap individu muslim, mereka perlu menunjukkan tauladan yang baik di dalam masyarakat samada dari sudut perbuatan mahupun perkataan. Perbuatan dan tingkahlaku kita mestilah bertepatan dengan syariat Islam. Imej dan akhlak Islam mestilah ditonjolkan sebagai sesuatu yang terbaik agar dapat menghapuskan gejala mungkar yang sudah meresap masuk ke dalam jiwa anak-anak remaja kita.

Pada hari ini kita dapati sebahagian ibubapa tidak dapat menunjukkan tauladan yang baik kepada anak-anak mereka. Perkara ini sudah tentulah akan diikuti oleh anak-anak kerana mereka beranggapan tiada salahnya mereka mengikut perbuatan ibubapa mereka. Inilah antara tauladan yang tidak baik dan boleh mencemarkan kesucian agama Islam selain merosakkan masa depan generasi muda hari ini.

### **Hadirin Jumaat sekalian,**

Pergaulan bebas dan luar batasan Islam merupakan salah satu punca berlakunya gejala sosial di kalangan generasi muda pada hari ini. Oleh kerana itu, adab-adab pergaulan Islam perlu dipraktikkan dalam setiap masa dan keadaan dimana sahaja kita berada sehingga ia menjadi satu budaya di dalam segenap lapisan masyarakat. Amalan ini pastinya akan menyumbang kepada perubahan tingkahlaku daripada yang buruk kepada yang lebih baik.

Adalah menjadi kewajipan bagi setiap umat Islam dan juga organisasi masyarakat seperti jawatankuasa masjid, jawatankuasa kampung atau taman, persatuan belia dan sebagainya supaya bersama-sama melaksanakan konsep amar makruf dan nahi munkar. Ia merupakan perintah daripada Allah SWT dan Rasulullah SAW.



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ  
يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ  
وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَيُطِيعُونَ  
اللَّهَ وَرَسُولَهُ ۗ أُولَٰئِكَ سَيَرْحَمُهُمُ اللَّهُ ۗ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ



"Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong bagi setengahnya yang lain; mereka menyuruh berbuat kebaikan, dan melarang daripada berbuat kejahatan; dan mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat, serta taat kepada Allah dan Rasul-Nya. mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah; Sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana".

(al-Taubah : 71).



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي  
وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ  
مَنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.  
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ  
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ  
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ  
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ  
لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ  
وَصَحْبِهِ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا  
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ  
بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,**

Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan bahawa Islam mengajar kita supaya bersikap sederhana dalam segala amalan. Kita amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi kerana Rasulullah SAW diutus untuk menyempurnakan akhlak dan sebagai rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam. Pada masa yang sama kita juga disaran supaya menjauhi sebarang bentuk fahaman sesat dan perbuatan ekstrim yang kesannya akan menjejaskan keharmonian, perpaduan dan keselamatan ummah dan Negara.



إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا  
صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ  
الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ  
وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ  
مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ يَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ إِنَّا  
نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ  
بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْ تَحْفَظَ  
بِعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصِّمْدَانِيَّةِ،  
جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَاطُونَ، سُلْطَانَ  
شَرَفِ الدِّينِ اِدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ



سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِّ. اَللّٰهُمَّ  
اَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهُدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ  
مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَاطُوْرٍ، تَعَكُوْا اَمِيْرَ شَاهِ ابْنِ  
السُّلْطَانَ شَرْفُ الدِّينِ اَدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِّ فِيْ اَمْنٍ  
وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْنِكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْاِكْرَامِ.  
اَللّٰهُمَّ اَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ لِلْمُوْظَفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ  
وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيْقِ الْهُدٰى وَالرِّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkeadilan dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai ketua agama Islam di negeri ini.

Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman dan pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, luaskanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat seperti kemarau



panjang, banjir besar, wabak penyakit Zika dan Denggi supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa dilindungi dan diberkati.

Ya Allah, bukannya hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat dan kefarduan yang lain serta mewakafkan dan menginfakkan harta khususnya untuk Perbadanan Wakaf Negeri Selangor (PWS) dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor (TAPIS).

Ya Allah, peliharalah kami daripada amalan dan akidah yang menyeleweng dan sesat seperti fahaman Syiah, Qadyani serta lain-lain fahaman.

Ya Allah, bantulah umat-Mu Rohingya yang sedang diuji dengan ujian dan kezaliman yang amat hebat dan dahsyat, semoga engkau ya Allah menurunkan Izzah kepada saudara kami Rohingya dan menghancurkan rejim kuffar dengan tentera-tentera-Mu ya Allah.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ  
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً  
وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ  
ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ  
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾



فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ  
يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ  
أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

\*\*\*\*\*

JAIS/Nurul  
19.12.2016